



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

34  
26

27hbDisember1990

TAMBAHAN  
No.8

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill introduced into Parliament is published for general information:

Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 10hb Disember 1990*).

Pensions Trust Fund Act 1990—(*Presented and read afirst time in the Dewan Rakyat on 10th December 1990*).

**DR. 49/90**

Naskhah Sahih—**Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

{ }

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Majlis" ertinya Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"Panel" ertinya Panel Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

"sekuriti" termasuklah saham, wang, syer dan bon, dan debentur dan lain-lain suratcara yang mewujudkan atau membuktikan suatu gadaian atau lien pada aset.

Kumpulan  
Wang  
Amanah  
Pencen.  
*Akta 61.*

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Pencen yang hendaklah dinyatakan dalam dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua kepada Akta Prosedur Kewangan 1957.

(2) Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen.

(3) Akauntan Negara Malaysia hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal-ehwal Kumpulan Wang.

Majlis  
Kumpulan  
Wang  
Amanah  
Pencen.

4. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Majlis pemegang amanah yang dikenali sebagai Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen.

(2) Pemegang-pemegang amanah hendaklah dilantik oleh Menteri dan hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- (b) seorang pegawai dari Perbendaharaan;
- (c) seorang pegawai dari Bank Negara;
- (d) seorang pegawai dari Kamar Peguam Negara;
- (e) seorang Setiausaha yang hendaklah merupakan seorang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara;
- (f) seorang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (g) seorang pegawai dari Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- (h) tiga orang anggota lain yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan kewangan.

(3) Majlis hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas sebagaimana yang diberikan atau dipertanggungjawabkan oleh Akta ini atau

sebagaimana yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Menteri dan boleh melalui suratcara bertulis mewakilkan kepada mana-mana orang segala atau mana-mana kuasa dan tugas itu.

5. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Panel Pelaburan yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara berhubung dengan pelaburan aset-aset Kumpulan Wang itu di mana ia adalah bertanggungjawab kepada Menteri.

Penubuhan  
Panel  
Pelaburan.

(2) Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan Pengerusi Majlis atau seseorang lain yang dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang wakil dari Bank Negara;
- (c) seorang wakil dari Jabatan Akauntan Negara; dan
- (d) tiga orang anggota lain yang berpengalaman dalam perniagaan atau kewangan yang dilantik oleh Menteri.

6. Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Majlis dan Panel Pelaburan.

Peruntukan  
Jadual  
Pertama  
terpakai.

7. Semua anggota Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah disifatkan sebagai perkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Perkhidmat  
awam.  
*F.M.S.*  
*Cap.45.*

8. Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta Prosedur Kewangan 1957, maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang—

Wang-wang  
yang dike-  
hendaki  
dibayar ke  
dalam  
Kumpulan  
Wang.

- (a) wang yang diuntukkan daripada Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan kepada dan bagi maksud-maksud Kumpulan Wang;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari masa ke semasa kepada Kumpulan Wang oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dari bahagian sumbangan majikan yang diremitkan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada—

- Akta* . Kumpulan Wang di bawah seksyen 56 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1990;
- Akta 239.* (c) segala caruman bulanan yang dibuat oleh majikan dan pertubuhan kepada Kumpulan Wang Disatukan di bawah seksyen 8 Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980;
- (d) segala wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa pelaburan Kumpulan Wang; dan
- (e) segala wang daripada apa-apa sumber lain yang diluluskan oleh Menteri.
- Penggunaan wang Kumpulan Wang. 9. Menteri boleh, dari masa ke semasa, membenarkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang, selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, digunakan bagi memenuhi, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, kos pembayaran pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pekerja-pekerja Pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan.
- Pelaburan wang Kumpulan Wang. 10. (1) Panel boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang—
- (a) sebagai deposit di mana-mana bank, di dalam atau di luar Malaysia, dalam apa-apa matawang termasuk ringgit;
- (b) dalam suratcara pasaran wang, termasuklah bil perbendaharaan, penerimaan jurubank dan perakuan deposit dalam apa-apa matawang termasuk ringgit;
- (c) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia;
- (d) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada mana-mana pihak berkuasa atau perbadanan awam yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalamnya;

- (e) dalam logam-logam berharga termasuk emas, perak, platinum dan paladium; dan
- (f) dalam mana-mana cara lain yang dibenarkan oleh Menteri.

(2) Dalam memberikan apa-apa kebenaran di bawah seksyen ini Menteri boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Jumlah pelaburan yang disebut dalam perenggan (1) (d) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi dua puluh peratus daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang.

(4) Pelaburan-pelaburan yang disebut dalam perenggan (1) (e) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi lima peratus daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang.

**11.** Apa-apa kos, perbelanjaan atau lain-lain pembayaran yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pentadbiran Kumpulan Wang hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

Fee  
pentadbiran.

**12.** (1) Menteri boleh memberi kepada Majlis apa-apa arahan bersifat am yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini yang ada hubungan dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Majlis hendaklah melaksanakan segala arahan itu.

Kuasa  
Menteri  
berhubungan  
dengan  
Majlis.

(2) Majlis hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa penyata, akaun dan lain-lain maklumat berkenaan dengan aset dan aktiviti Kumpulan Wang sebagaimana yang dikehendakinya dari semasa ke semasa.

**13.** Bagi maksud-maksud Akta ini, tahun kewangan Kumpulan Wang hendaklah bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember bagi setiap tahun.

Tahun  
kewangan.

**14.** (1) Majlis hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun dan lain-lain rekod yang sempurna berkenaan dengan perjalanan Kumpulan Wang dan hendaklah menyediakan penyata-penyata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan.

Akaun dan  
audit.

(2) Majlis hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangannya, menyebabkan akaun Kumpulan Wang diauditkan oleh Ketua Audit Negara.

(3) Pada akhir setiap tahun kewangan dan sebaik sahaja akaun Kumpulan Wang telah diauditkan, Majlis hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun itu dikemukakan kepada Menteri, berserta dengan satu salinan pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atas mana-mana penyata akaun atau atas akaun-akaun amnya.

Laporan tahunan.

**15.** Majlis hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh haribulan April dalam setiap tahun, menyebabkan dibuat dan dikemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai pelaburan-pelaburan Kumpulan Wang di sepanjang tahun kewangan yang terdahulu dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan polisi Majlis sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Akaun teraudit dan laporan tahunan hendaklah dibentangkan dalam Parlimen.

**16.** Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan akaun teraudit tahunan di bawah seksyen 12 dan laporan tahunan di bawah seksyen 13 yang diterima olehnya dibentangkan dalam setiap Majlis Parlimen.

Kuasa membuat peraturan-peraturan.

**17.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan dengan lebih baik lagi peruntukan-peruntukan Akta ini.

Peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 hendaklah terpakai.

**18.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 dan peraturan-peraturan yang dibuat dan arahan-arahan yang dikeluarkan di bawahnya hendaklah terpakai bagi Kumpulan Wang.

## JADUAL PERTAMA

[Seksyen 6]

Perlantikan, pembatalan dan perletakan jawatan.

**14.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, seseorang anggota Majlis dan Panel Pelaburan, hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

(2) Perlantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab.

(3) Seseorang anggota, boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

(4) Tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Majlis dan Panel Pelaburan sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

2. (1) Jawatan seseorang anggota Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah menjadi kosong— Pengosongan jawatan.

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tak berupaya menunaikan kewajipannya-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Menteri;
- (f) sekiranya perletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

3. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota Majlis dan Panel pelaburan apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri. Saraan atau elaun

4. (1) Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah bermesyuarat sebagaimana dan apabila dikehendaki. Mesyuarat.

(2) Pengerusi dan dua orang anggota lain Majlis atau Panel Pelaburan adalah mencukupi koram di sesuatu mesyuarat Majlis atau Panel Pelaburan itu.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.

Panel  
Pelaburan  
boleh  
mengundang  
orang lain  
mengadakan  
mesyuarat.

5. Panel Pelaburan boleh meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Panel Pelaburan) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Panel Pelaburan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Penzahiran  
kepentingan

6. Jika seseorang anggota Majlis dan Panel Pelaburan ada mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam sesuatu skim, projek atau enterpris yang diusahakan atau disyorkan oleh Majlis dan Panel Pelaburan, anggota itu hendaklah dengan serta merta menyatakan kepada Menteri, secara bertulis bentuk dan takat kepentingannya dalam skim, projek atau enterpris itu dan apa-apa perubahan yang kemudiannya mengenai bentuk dan takat kepentingannya itu.

Minit.

7. Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen melalui undang-undang dan untuk mewujudkan suatu Majlis amanah yang dikenali sebagai Majlis Amanah Kumpulan Wang Pencen bagi menguruskan Kumpulan Wang itu. Akauntan Negara akan dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal-ehwal Kumpulan Wang itu. Satu Panel Pelaburan akan dipertanggungjawab dengan perkara-perkara yang berhubung dengan pelaburan aset Kumpulan Wang itu.

2. *Fasal 3* dan *4* masing-masing ialah berhubung dengan penubuhan Kumpulan Wang dan Majlis.

3. *Fasal 5* ialah berhubung dengan penubuhan Panel Pelaburan.

4. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan semua anggota Majlis dan Panel Pelaburan.

5. *Fasal 7* memperuntukkan bahawa semua anggota Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah disifatkan sebagai perkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

6. *Fasal 8* memperuntukkan wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu dan *fasal 9* ialah berhubung dengan penggunaan wang tersebut.

## KUMPULAN WANG AMANAH PENCEN

7. Wang Kumpulan Wang itu boleh dilaburkan mengikut *fasal 10(1)*.
8. *Fasal 10 (3) dan (4)* menetapkan had jumlah aset boleh lupus Kumpulan Wang itu yang boleh diletakkan dalam pelaburan yang dibuat menurut *fasal 10 (1) (d) dan (e)*.
9. *Fasal 12 dan /7* masing-masing memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat arahan kepada Majlis dan untuk membuat peraturan-peraturan.
10. *Fasal 11, 13,14, 15 dan 16* masing-masing ialah berhubungan dengan fee pentadbiran, tahun kewangan, akaun dan audit, laporan tahunan dan kehendak-kehendak supaya akaun dan laporan tersebut dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.
11. *Fasal 18* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 hendaklah dipakai melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam Rang Undang-Undang ini.

### IMPLIKASI KEWANGAN

Di bawah *fasal 8 (1) (a), (b) dan (c)* Rang Undang-Undang, wang hendaklah, dari masa ke semasa, diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan dan dibayar kepada Kumpulan Wang itu. Selain daripada itu, Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan di dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1630.]